

PENGUNAAN BAHASA MELAYU DI PAPAN TANDA LEBUH RAYA SELATAN

Norul Haida Binti Reduzan
Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UPSI
nur_upsi@yahoo.com

ABSTRAK

Bahasa Melayu merupakan bahasa yang penting dan dapat diperluaskan penggunaannya. Penyelidikan ini bertujuan untuk memantau penggunaan bahasa Melayu di sepanjang lebuhraya Selatan. Penyelidikan dijalankan dengan menggunakan kaedah pemerhatian di sepanjang lebuhraya selatan. Terdapat tiga objektif iaitu, objektif pertama adalah memantau penggunaan bahasa Melayu yang betul di sepanjang lebuhraya Selatan, objektif kedua mengenal pasti penggunaan bahasa selain bahasa Melayu (bahasa asing) di sepanjang lebuhraya Selatan dan objektif ketiga meneliti penggunaan logo atau simbol di papan tanda arah di sepanjang lebuhraya Selatan. Kesimpulannya, Penggunaan bahasa Melayu di lebuhraya Selatan juga merupakan salah satu medium komunikasi sesetengah pihak untuk menyampaikan maklumat kepada pengguna. Oleh itu, penggunaan bahasa Melayu yang betul haruslah digunakan di papan tanda agar pelestarian bahasa Melayu secara menyeluruh dapat dijalankan.

Kata kunci: Bahasa Melayu; Papan Tanda; Lebuhraya Selatan

Pengenalan

Bahasa Melayu adalah bahasa Melayu-Polinesia di bawah keluarga bahasa Austronesia yang telah digunakan di wilayah Malaysia, Indonesia, dan persekitarannya sejak melebihi 1,000 tahun lalu. Walaupun asal usul bangsa Melayu yang asal belum diketahui secara pasti tetapi pertumbuhan bahasa Melayu dapat dikatakan berasal dari Sumatera Selatan di sekitar Jambi dan Palembang. Rekod terawal bahasa Melayu Kuno ialah di sebuah batu bersurat bertarikh 682 Masihi yang dijumpai di Sumatera Selatan.

Bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan Malaysia, Indonesia, Brunei, dan Singapura. Di Indonesia, bahasa Melayu kini dipanggil bahasa Indonesia, dan di Malaysia, bahasa Melayu secara rasminya dipanggil bahasa Malaysia. Selain daripada keempat-empat negara tersebut, bahasa Melayu juga dituturkan oleh penduduk-penduduk Melayu di Selatan Thailand, Filipina, Kemboja, Vietnam, Sri Lanka, dan Afrika Selatan.

Menurut statistik penggunaan bahasa di dunia, penutur bahasa Melayu dianggarkan berjumlah lebih 300 juta (bersama penutur Bahasa Indonesia) dan merupakan bahasa keempat dalam turutan jumlah penutur terpenting bagi bahasa-bahasa di dunia selepas bahasa Mandarin, Inggeris, dan Hindi/Urdu. Selain itu, dilaporkan sebanyak 70,000 orang mampu bertutur dalam bahasa Melayu di Sri Lanka, manakala di China, terdapat radio dalam bahasa Melayu. Bahasa Melayu juga diajar di universiti-universiti di United Kingdom, Amerika Syarikat, Australia, Belanda, China, Jerman, New Zealand, dan beberapa tempat yang lain.

Penggunaan Bahasa Melayu di negara ini berbeza bergantung kepada sejarah dan budaya. Bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi di Malaysia pada 1968, tetapi Bahasa Inggeris masih digunakan dengan luas terutama sekali di kalangan masyarakat Cina dan India, sama seperti di Brunei. Berbeza di Indonesia, Bahasa Indonesia berjaya menjadi bahasa perantaraan utama atau *lingua franca* untuk rakyatnya yang berbilang kaum kerana usaha gigih kerajaan Indonesia dalam menggalakkan penggunaan Bahasa Indonesia selain Bahasa Belanda yang tidak lagi digunakan.

Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini dapat dijadikan sebagai pelengkap kajian mengenai gambaran dan aplikasi penggunaan bahasa Melayu yang betul di sepanjang lebuhraya di Selatan, memperkenalkan secara terperinci impak sumbangan dan peranan bahasa selain bahasa Melayu (bahasa asing) di sepanjang lebuhraya di Selatan, hasil kajian tersebut dapat dijadikan sebagai sumber kepada mereka yang mengingini penyelidikan lebih lanjut dan mendalam sama ada tentang penerapan atau penggunaan bahasa Melayu di papan tanda arah sepanjang lebuhraya di Selatan dan menemukan ciri dan keunikan tersendiri sosialisasi penggunaan bahasa Melayu yang betul di sepanjang lebuhraya di Selatan.

Sorotan Kajian

Antara kajian terdahulu yang mempunyai kaitan dengan kajian ini adalah penelitian yang bertajuk "*Jalan raya timur barat (1970-1982): Pengorbanan dalam kenangan.*" Plak dan monumen rasmi yang dibina oleh Jabatan Kerja Raya di Pulau Banding, Perak. Kajian ini disusun oleh satu kumpulan penyelidik di Jabatan Kerja Raya yang berfokus kepada pelbagai cerita suka duka dalam pembangunan lebuhraya yang menjadi kebanggaan rakyat Melayu khususnya dan rakyat Malaysia umumnya sehingga kini.

Buku seterusnya disusun oleh ERIA Study Team yang bertajuk "Current Status of ASEAN Transport Sector, ASEAN Strategic Transport Plan 2011-2015. (Jakarta: ASEAN Secretariat and ERIA): 3-1 – 3-1995. Retrieved 16 November 2013. Buku ini banyak membahas mengenai kemudahan transport di kawasan ASEAN. Buku ini menjadi salah satu rujukan penting bagi para pembaca untuk mengenal lebih dekat pengetahuan mengenai jalan-jalan utama yang ada di bumi Nusantara. Terdapat juga tulisan di akhbar, majalah, buku mengenai lebuh raya ini seperti tajuk-tajuk berikut: *Pakej enam lebuh raya timur-barat fasa dua sedia laluan hidupan liar*, Bernama; "Bridge details". Penang Bridge Sdn Bhd, Capaian 2007-12-21; [http://www.wce.com.my/media-updates/ New-beginning-for-KEuro](http://www.wce.com.my/media-updates/New-beginning-for-KEuro); Rupinder Singh (2008-07-30), "Europlus plans RM3b bond sale to fund road project". Business Times; Jagdev Singh Sidhu and Fintan Ng (2008-11-13), "Govt may call new tender for RM3.2bil West Coast Expressway," The Star, dan lain-lain.

Menurut Hamsawi, Roziana juga menyampaikan melalui tulisannya. "Europlus bags RM7.07b highway job," Business Times Malaysia, Retrieved 27 January 2012.; Wikipedia, the free encyclopedia; *For the highway running along the west coast of South Korea*, lihat Seohean Expressway; "Mudajaya bags 2 packages of Bina Puri road deal," Business Times, 2008-06-06, Retrieved 2008-06-06, dan sebagainya.

Penganalisisan Data Kajian

Bahagian ini memberi gambaran serta ulasan kaedah penganalisisan data secara kaedah (tatacara) dalam pemantauan penggunaan bahasa Melayu di sepanjang lebuh raya di Selatan. Berikut adalah huraian terperinci mengenai tatacara kajian dalam pemantauan penggunaan bahasa Melayu di sepanjang lebuh raya di Selatan:


- 1) Pemantauan penggunaan bahasa Melayu yang betul: Hal ini berupa Leksikal (morfologi) seperti pemilihan kosa kata dan kesesuaiannya; Ejaan (morfologi) seperti salah ejaan dan imbuhan; Frasa (sintaksis) seperti hukum DM; Ayat (sintaksis) seperti subjek dan predikat; dan Istilah/makna (semantik) atau pinjaman.
- 2) Mengetahui pasti penggunaan bahasa selain bahasa Melayu/bahasa asing dan bentuk tulisan: Seperti bahasa Inggeris, Mandarin, Tamil, Cina, dan Tulisan Jawi.
- 3) Meneliti penggunaan logo/symbol di papan iklan dan papan tanda arah: Hal ini merangkumi saiz atau bentuk papan tanda untuk mengelak kemalangan, rasis, agama dan tauhid, seni dan budaya, dan penggunaan bahasa Inggeris di papan tanda arah.
- 4) Menentu sahkan taraf papan tanda di lebuh raya: Hal ini mencakupi dalam pagar atau di luar pagar.

Zon Selatan (Seremban- Johor Bahru- Seremban)

Pemantauan penggunaan bahasa Melayu yang betul

Leksikal (Morfologi) - Pemilihan kosa kata dan kesesuaian perkataan


	Kekerapan	Peratus	Peratus Sahih	Peratus Timbunan
SESUAI	454	90.6	90.6	90.6
TIDAK SESUAI	47	9.4	9.4	100.0
JUMLAH	501	100.0	100.0	



Item yang pertama bagi objektif pemantauan penggunaan bahasa Melayu yang betul ialah leksikal (morfologi) yang melibatkan pemilihan kosa kata dan kesesuaian perkataan. Leksikal ialah perkataan yang diterbitkan daripada istilah leksikon yang bermaksud kosa kata atau perbendaharaan kata. Unit leksikon ialah leksem iaitu bentuk bahasa yang bermakna (Ibrahim Ahmad, 1994). Daripada keseluruhan 501 jumlah papan tanda atau iklan yang ada, 90.6% atau 454 kekerapan menunjukkan penggunaan leksikal yang sesuai. Manakala, 47 kekerapan menunjukkan penggunaan leksikal yang tidak sesuai merangkumi 9.4% iaitu perbezaan sebanyak 81.2%.

Ejaan (morfologi) - Salah eja dan imbuhan


	Kekerapan	Peratus	Peratus Sahih	Peratus Timbunan
SESUAI	487	97.2	97.2	97.2
TIDAK SESUAI	14	2.8	2.8	100.0
JUMLAH	501	100.0	100.0	



Item kedua pula melibatkan ejaan (morfologi) yang menunjukkan perbezaan kekerapan sebanyak 473 atau 94.4%. Menurut Nik Safiah Karim *et.al* (2010:41), morfologi ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji perkataan dari segi struktur, bentuk dan penggolongan kata. Penggunaan ejaan bahasa Melayu yang sesuai meliputi 487 kekerapan daripada jumlah keseluruhan serta merangkumi 97.2%. Ejaan yang tidak sesuai pula mewakili 2.8% atau 14 kekerapan daripada kesemua 501 papan iklan yang dikaji.

Frasa (sintaksis) - Hukum D-M


	Kekerapan	Peratus	Peratus Sahih	Peratus Timbunan
SESUAI	486	97.0	97.0	97.0
TIDAK SESUAI	15	3.0	3.0	100.0
JUMLAH	501	100.0	100.0	



Frasa (sintaksis) yang melibatkan hukum D-M pula merupakan item ketiga yang dikaji melalui objektif yang pertama ini. D-M bermaksud *diterangkan* (D) dan *menerangkan* (M). Dalam peraturan ini, unsur yang diterangkan itu merupakan unsur inti yang hadir pada kedudukan pertama dan unsur menerangkan merupakan unsur penerang yang hadir pada kedudukan kedua (Nik Safiah Karim *et.al*, 2010:376). Papan tanda dan iklan yang menggunakan hukum tersebut dengan betul ialah sebanyak 486 iaitu merangkumi 97%. Sebanyak 3% atau 15 kekerapan pula menunjukkan penggunaan frasa yang salah atau tidak sesuai. Kedua-dua jumlah tersebut menunjukkan perbezaan sebanyak 471 (94%).

Ayat (Sintaksis) – Subjek dan predikat


	Kekerapan	Peratus	Peratus Sahih	Peratus Timbunan
SESUAI	479	95.6	95.6	95.6
TIDAK SESUAI	22	4.4	4.4	100.0
JUMLAH	501	100.0	100.0	



Item seterusnya yang dikaji ialah ayat (sintaksis) yang melibatkan penggunaan subjek dan predikat. Nik Safiah Karim *et.al* (2010:340), apa yang dikatakan sebagai subjek kepada sesuatu bentuk ayat ialah konstituen, sama ada terdiri daripada satu perkataan atau beberapa perkataan, yang sememangnya frasa nama atau yang berfungsi sebagai frasa nama dan menjadi judul atau unsur yang diterangkan. Predikat pula ialah kumpulan perkataan yang tergolong dalam satu frasa dan menjadi unsur yang menerangkan subjek. Sebanyak 479 kekerapan mewakili penggunaan ayat yang sesuai iaitu 96.6%. Jumlah besar tersebut telah membawa perbezaan sebanyak 457 atau 91.2% antara ayat yang sesuai dan tidak sesuai. Penggunaan ayat yang tidak sesuai pula hanya mewakili 22 kekerapan atau 4.4% daripada jumlah keseluruhan.

Istilah/Makna (Semantik) - Kata pinjaman

	Kekerapan	Peratus	Peratus Sahih	Peratus Timbunan
SESUAI	479	95.6	95.6	95.6
TIDAK SESUAI	22	4.4	4.4	100.0
JUMLAH	501	100.0	100.0	




Item terakhir yang dikaji melalui objektif ini ialah istilah atau makna (semantik) yang melibatkan kata pinjaman. Menurut Abdullah Yusof *et.al* (2009:81), perkembangan dalam bidang semantik telah mendedahkan kita kepada kaedah pemberian makna dengan melihat perhubungan antara unsur-unsur yang membentuk makna. Perbezaan yang mewakili kata pinjaman yang sesuai dan tidak sesuai ialah sebanyak 457 kekerapan atau 91.2%. Penggunaan istilah atau makna yang sesuai mewakili 479 kekerapan

atau 95.6%. Manakala, sebanyak 22 kekerapan dan 4.4% merangkumi penggunaan istilah atau makna yang tidak sesuai di papan iklan dan tanda di lebuhraya.

Menegenalpasti penggunaan bahasa selain bahasa Melayu / bahasa asing

Mengenalpasti penggunaan bahasa

	Kekerapan	Peratus	Peratus Sahih	Peratus Timbunan
BAHASA INGGERIS	219	43.7	43.7	43.7
BAHASA MANDARIN	26	5.2	5.2	48.9
BAHASA TAMIL	3	.6	.6	49.5
LAIN-LAIN BAHASA	13	2.6	2.6	52.1
BAHASA MELAYU	240	47.9	47.9	100.0
JUMLAH	501	100.0	100.0	




Objektif yang kedua ialah mengenal pasti penggunaan bahasa selain bahasa Melayu atau penggunaan bahasa asing. Terdapat lima jenis kategori bahasa yang digunakan iaitu bahasa Melayu, Inggeris, Mandarin, Tamil, dan lain-lain bahasa. Bagi penggunaan bahasa Melayu, sebanyak 240 kekerapan telah digunakan yang merangkumi 47.9%, diikuti oleh yang kedua tertinggi iaitu bahasa Inggeris sejumlah 219 kekerapan atau 43.7%. Kedua-dua bahasa tersebut merupakan bahasa yang paling kerap digunakan pada papan tanda dan iklan di lebuhraya selatan. Sebanyak 26 kekerapan dan 5.2% pula mewakili bahasa Mandarin, manakala bahasa Tamil dan lain-lain bahasa pula masing-masing mencatatkan 3 dan 13 kekerapan yang mewakili 6% dan 2.6%.

Meneliti penggunaan logo/ simbol di papan iklan dan tanda arah

Saiz bentuk papan tanda untuk mengelak kemalangan

	Kekerapan	Peratus	Peratus Sahih	Peratus Timbunan
SELAMAT	500	99.8	99.8	99.8
TIDAK SELAMAT	1	.2	.2	100.0
JUMLAH	501	100.0	100.0	


SAIZ BENTUK PAPAN TANDA UNTUK MENGELAK KEMALANGAN



Objektif yang ketiga ialah meneliti penggunaan logo atau simbol di papan iklan dan papan tanda arah. Melalui item pertama yang dikaji iaitu saiz atau bentuk papan tanda untuk mengelak kemalangan menunjukkan sebanyak 500 kekerapan penggunaan papan tersebut dikategorikan sebagai selamat (99.8%). Hanya 1 kekerapan penggunaan atau 2% yang tidak selamat dan membahayakan. Perbezaan kedua-dua tersebut ialah sebanyak 499 kekerapan atau 97.8%.

Rasis


	Kekerapan	Peratus	Peratus Sahih	Peratus Timbunan
TIDAK RASIS	501	100.0	100.0	100.0



Item kedua pula ialah rasis menunjukkan tiada papan tanda atau iklan di kawasan lebuh raya zon selatan yang bersifat rasis kesemua 501 kekerapan dan 100% tidak rasis.

Agama/ tauhid


	Kekerapan	Peratus	Peratus Sahih	Peratus Timbunan
TIDAK TERPESONG	501	100.0	100.0	100.0



Item yang seterusnya iaitu bersifat agama (tauhid) dikaji sekiranya terpesong atau tidak. Hasil kajian menunjukkan tiada yang terpesong dan keseluruhan 501 penggunaan (100%) papan tanda dan iklan ialah tidak terpesong.

Budaya - Seksi dan lain-lain


	Kekerapan	Peratus	Peratus Sahih	Peratus Timbunan
SESUAI	492	98.2	98.2	98.2
TIDAK SESUAI	9	1.8	1.8	100.0
JUMLAH	501	100.0	100.0	



Aspek mengenai budaya sama ada berbentuk seks dan lain-lain merupakan perkara keempat yang dinilai. Hasil kajian mendapati sebanyak 492 kekerapan atau 98.2% papan tanda dan iklan sesuai digunakan dan langsung tiada unsur-unsur negatif. Sebaliknya, sebanyak 9 kekerapan yang mewakili 1.8 % dilaporkan tidak sesuai untuk digunakan. Jurang kedua-duanya ialah 483 kekerapan (96.4%).

Penggunaan bahasa Inggeris di papan tanda arah

	Kekerapan	Peratus	Peratus Sahih	Peratus Timbunan
SESUAI	501	100.0	100.0	100.0




Kajian penggunaan bahasa Inggeris di papan tanda arah pula menunjukkan kesemua 501 kekerapan penggunaan atau 100% ialah sesuai digunakan.

Menentusahkan taraf papan tanda di lebuhraya

Dalam pagar (sah) atau luar pagar (tidak sah)

	Kekerapan	Peratus	Peratus Sahih	Peratus Timbunan
DALAM PAGAR SAH	324	64.7	64.7	64.7
LUAR PAGAR TIDAK SAH	177	35.3	35.3	100.0
JUMLAH	501	100.0	100.0	



Objektif kajian lebuhraya selatan yang terakhir ialah menentusahkan taraf papan tanda di lebuhraya. Papan tanda yang terdapat di dalam pagar dikategorikan sebagai sah merangkumi 324 kekerapan atau 64.7%. Papan tanda yang terdapat di luar pagar dikategorikan tidak sah pula mempunyai 177 kekerapan dan 35.3%. Perbezaan kedua-duanya ialah sebanyak 147 kekerapan (29.4%).

Kesimpulan

Kesimpulannya, bahasa merupakan perantara komunikasi penyampai pesan dan maklumat berkesan daripada seorang individu kepada individu yang lain dalam menyampaikan hasrat dan kehendak dalam segala hal, kerana adanya dukungan kesafahaman antara satu dengan yang lain. Demikian juga bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan Malaysia, Indonesia, Brunei, dan Singapura. Di Malaysia, bahasa Melayu secara rasminya dipanggil bahasa Malaysia. Menurut statistik penggunaan bahasa di dunia, penutur bahasa Melayu dianggarkan berjumlah lebih 300 juta (bersama penutur Bahasa Indonesia) dan merupakan bahasa

keempat dalam turutan jumlah penutur terpenting bagi bahasa-bahasa di dunia selepas bahasa Mandarin, Inggeris, dan Hindi/Urdu.

Rujukan

- Kamus Dewan, edisi baru.* 2010. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Mohd. Majid Konting. 1998. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Mohd. Najib A. Ghafar. 1998. *Penyelidikan Pendidikan.* Skudai: Penerbit UTM.
Suwardi Endraswara. 2003. *Metodologi Penelitian Sastra, Epistemology, Model, Teori dan Aplikasi.* Yogyakarta: Pustaka Widyatama.